



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	03.11.22	MUKA SURAT	: 26
JABATAN	:	TNB		

### **TRM TNB diperluas babit sektor ekonomi gig**

**Kuala Lumpur:** Skop Program TNB Reskilling Malaysia (TRM) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini diperluas dengan merangkumi sektor ekonomi gig, sekali gus membantu pekerja bebas atau *freelancer*.

Ia dalam meningkatkan keupayaan supaya mereka boleh meneroka peluang ekonomi gig yang baharu dan lebih meluas dalam usaha menambah pendapatan.

Ketua Pegawai Insan TNB Wahizan Abdul Rahman berkata, trend (ekonomi gig) yang meningkat ini memberi peluang kepada golongan muda, suri rumah, pesara, golongan kurang upaya dan mereka bekerja sendiri untuk turut

sama menjalankan ekonomi gig bagi menambah pendapatan isi rumah.

Katanya, perubahan landskap dalam ekonomi dunia turut mempengaruhi penyusunan semula kegiatan ekonomi dan pekerjaan di banyak negara.

"Dalam era endemik, individu kini boleh menjana pendapatan secara produktif, fleksibel dan mampan kerana ekonomi gig menawarkan pelbagai khidmat untuk disertai seperti pengangkutan, penghantaran makan dan barang serta sebahagiannya memabitkan produk kewangan.

"Pelbagai peringkat masyarakat boleh turut serta dalam bidang ekonomi ini, misalnya golongan belia,

ibu dan bapa tunggal, orang kurang upaya (OKU) atau pesara," katanya kepada Bisnes Metro.

Beliau berkata, TNB *Integrated Learning Solutions* (TNB ILSAS) bertanggungjawab untuk menjalankan program TRM ini dan mereka bentuk modul jangka pendek khusus untuk mempersiapkan pekerja gig sejajar dengan kemajuan pasaran.

"Latihan ini ditaja sepenuhnya oleh TNB dan syarikat termasuk ke Program TNB Reskilling Malaysia ialah mempunyai perjanjian

perkhidmatan atau pendaftaran perniagaan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mempunyai transaksi bisnes di platform e-dagang seperti Lazada, Shopee dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, pemilihan pekerja gig ini akan dilaksanakan melalui dua sesi pada setiap bulan.

Selepas dipilih, mereka akan mengikuti latihan di ILSas dalam salah satu yang ditawarkan iaitu modul kemahiran digital, modul penyelenggaraan penanaman udara, modul au-

tomasi dron untuk Industri 4.0 dan modul pembentukan minda perniagaan.

Beliau berkata, modul ini memenuhi permintaan pasaran ekonomi gig pada ketika ini, dan ILSas akan sentiasa menambah modul yang memberikan impak.

Program TRM dilaksanakan oleh TNB ILSas, di Bangi, sejak 2020 apabila TNB diamanahkan oleh kerajaan untuk membantu rakyat yang terjejas susulan pandemik Covid-19.

Ia bagi mendapatkan padanan pekerjaan kemudian menjalani program peminatan atau latihan semula.

Setakat ini, TRM dilaporkan sudah melakukan padanan pekerjaan memabitkan lebih 5,000 peserta.

“  
Pelbagai peringkat masyarakat boleh turut serta dalam bidang ekonomi ini  
Wahizan

# HM311022\_26

